

08 AUG 2001

NEGARA-FISKAL

PAKEJ RANGSANGAN FISKAL AKAN BERI KESAN POSITIF KEPADA EKONOMI NEGARA

KUALA LUMPUR, 8 Ogos (Bernama) -- Persidangan Dewan Negara hari ini diberitahu bahawa masih terlalu awal untuk melihat hasil pelaksanaan Pakej Rangsangan Fiskal sebanyak RM3 bilion ke atas ekonomi negara.

"Saya percaya pakej ini akan memberi impak yang positif dalam tempoh separuh kedua tahun ini dan seterusnya pada tahun hadapan," kata Timbalan Menteri Kewangan Datuk Chan Kong Choy ketika menjawab soalan Senator Melanie Chia Chui Ket mengenai kesan peruntukan belanjawan tambahan itu.

Pakej Rangsangan Fiskal itu telah diumumkan pada Mac lalu oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan adalah sebagai tambahan kepada peruntukan belanjawan sebanyak RM28 bilion bagi tahun 2001.

Antara lain, langkah-langkah yang terkandung dalam Pakej Rangsangan Fiskal itu ialah pelaksanaan projek-projek infrastruktur seperti pembinaan sekolah-sekolah, kolej-kolej komuniti dan universiti-universiti baru.

Menurut Chan, selain daripada itu kerajaan juga telah melonggarkan syarat pemilikan hartanah oleh warganegara asing oleh Jawatankuasa Pelaburan Asing.

Katanya, langkah-langkah rangsangan fiskal untuk menggerakkan ekonomi sebelum ini telahpun berjaya khasnya semasa ekonomi negara menghadapi krisis kewangan serantau.

"Sumbangan sektor awam kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 1999 dan 2000 secara purata adalah sebanyak 53 peratus setahun berbanding sektor swasta sebanyak 34 peratus setahun," katanya.

Trend itu berterusan dalam suku pertama tahun ini, di mana kadar pertumbuhan KDNK sebanyak 3.2 peratus telah sebahagian besarnya di dorong oleh perbelanjaan penggunaan awam yang bertambah sebanyak 8.7 peratus, manakala penggunaan swasta 6.5 peratus dan pelaburan 7.4 peratus.

Chan juga berkata dalam usaha menangani kesan negatif kelembapan ekonomi Amerika Syarikat, kerajaan juga telah menghapuskan 10 peratus levi sepenuhnya ke atas penghantaran balik keuntungan modal yang bertujuan untuk meningkatkan sentimen pelaburan asing Malaysia.

"Untuk mewujudkan iklim pelaburan yang kondusif, dasar kewangan yang akomodatif akan terus diamalkan," katanya.

Katanya, institusi kewangan juga telah digalakkan untuk mencapai kadar sasaran pertumbuhan pinjaman sebanyak lapan peratus setahun.

Bagi tujuan itu, kerajaan telah menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM250 juta untuk Tabung Makanan, Tabung Usahawan Baru (RM250 juta) dan Tabung Industri Kecil dan Sederhana (RM200 juta), katanya.

Chan juga memberitahu Dewan Negara bahawa dalam usaha menggalakkan pertumbuhan sektor perkhidmatan, kerajaan sedang berusaha memperkenalkan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan pelabuhan-pelabuhan tempatan sebagai pusat persinggahan terunggul di rantau ini. -- BERNAMA

FA FA OS